

# SEHARI SELEMBAR BENANG

PROSEDUR CLOZE

UNTUK P4



disusun oleh:

**MOHAMED NAIM DAUPI**

NAMA : \_\_\_\_\_

DARJAH : \_\_\_\_\_

TARIKH : \_\_\_\_\_

# LATIHAN ( 01)

**Arahan** Tuliskan sepatah perkataan yang sesuai di tempat kosong di bawah ini supaya menjadi sebuah cerita yang lengkap

Makcik Rokiah seorang wanita yang sangat baik hati.

Dia menganggap Rohani ( 01 ) \_\_\_\_\_

anaknya sendiri. Dia menyayangi Rohani sebagaimana

(02) \_\_\_\_\_ menyayangi anak-anak

kandungnya. Semasa Rohani mula-mula

(03) \_\_\_\_\_, dia menghantar Rohani ke

sekolah dan (04) \_\_\_\_\_nya pulang setiap

hari. Dia yang menyalinkan (05). \_\_\_\_\_

Rohani dan menyikat rambutnya setiap pagi. Di dalam

perjalanan, dia memimpin tangan Rohani dan mengangkat beg sekolahnya.

## LATIHAN ( 02)

**Arahan** Tuliskan sepatah perkataan yang sesuai di tempat kosong di bawah ini supaya menjadi sebuah cerita yang lengkap

Di hutan itu terdapat sebuah kolam. Di kolam itu tinggal seekor penyu 1. \_\_\_\_\_ beberapa ekor itik serati . Binatang-binatang itu sentiasa 2. \_\_\_\_\_ setiap hari. Pada suatu hari, datang seekor bangau 3. \_\_\_\_\_ tepi kolam tersebut. Bangau memberitahu bahawa tempat 4. \_\_\_\_\_ dilanda musim kemarau yang sangat. Cuaca akan 5. \_\_\_\_\_ panas dan air kolam itu akan kering kontang. Mendengar berita itu, itik-itik dan penyu itu berasa sedih.

## LATIHAN ( 03)

**Arahan** Tuliskan sepatah perkataan yang sesuai di tempat kosong di bawah ini supaya menjadi sebuah cerita yang lengkap

Ada seekor kancil tinggal di dalam hutan. Pada suatu hari, Kancil terdengar kambing 1. \_\_\_\_\_ kerana ketakutan. Kancil pun segera mencari-cari dari 2. \_\_\_\_\_ datangnya suara kambing yang sayup itu. Kancil 3. \_\_\_\_\_ tentulah buaya yang ganas itu telah menangkap 4. \_\_\_\_\_. Sang Kancil pun pergi ke sungai lalu 5. \_\_\_\_\_ buaya. Darah berlumuran di mulut kambing. Mungkinkah kambing telah dimakan oleh buaya?

# LATIHAN ( 04)

**Arahan** Tuliskan sepatah perkataan yang sesuai di tempat kosong di bawah ini supaya menjadi sebuah cerita yang lengkap

Kita mesti menjaga kebersihan rambut. Rambut yang kotor (1)\_\_\_\_\_ berhabuk sentiasa berbau. Apabila rambut berbau kepala (2)\_\_\_\_\_ akan dihinggapi kuman.

Rambut hendaklah disyampu dua (3) \_\_\_\_\_ hari sekali. Selepas itu, kita haruslah mengeringkannya (4) \_\_\_\_\_ tuala yang bersih supaya tidak dihinggapi habuk (5)\_\_\_\_\_ kita berjalan di jalan raya. Rambut yang kemas dan rapi akan membuat kita kelihatan segar. Orang mengatakan bahawa rambut adalah 'mahkota' seseorang kerana ia terletak di atas kepala seperti mahkota.

## LATIHAN ( 05)

**Arahan** Tuliskan sepatah perkataan yang sesuai di tempat kosong di bawah ini supaya menjadi sebuah cerita yang lengkap

Tipah belum membuat keputusan. Tipah tidak mahu melukakan hati ibunya yang sudah (1)\_\_\_\_\_ itu. Wajah yang berkerut itu tentu (2) \_\_\_\_\_ sedih jika dia menyatakan hasratnya. Tipah (3)\_\_\_\_\_ pernah meninggalkan ibunya walau sehari pun. (4)\_\_\_\_\_ tidak tahu bagaimanakah hendak menyatakan perkara (5)\_\_\_\_\_ sebenarnya kepada ibunya. Dia terpaksa meninggalkan ibunya bukan sehari dua tetapi hampir tiga tahun. Malah, dia terpaksa menyeberangi lautan hanya sekadar untuk melanjutkan pelajarannya.

## LATIHAN ( 06)

**Arahan** Tuliskan sepatah perkataan yang sesuai di tempat kosong di bawah ini supaya menjadi sebuah cerita yang lengkap

Kini, Abang Azman telah sedar. Pengalaman telah mengajarnya (1)\_\_\_\_\_ tidak bertindak melulu lagi. Akibat cepat marah (2)\_\_\_\_\_ bertindak tanpa usul dan periksa, dia telah (3)\_\_\_\_\_ Karim yang dituduhnya mencuri wangnya. Karim terlantar (4)\_\_\_\_\_ hospital selama beberapa hari. Lantaran itu, dia (5)\_\_\_\_\_ selama enam bulan. Hidup di penjara bukanlah seperti syurga. Dia kehilangan erti hidup yang sebenarnya. Kebebasannya hilang, rakan-rakan baiknya tidak muncul di hadapan mata. Kasih sayang keluarga lenyap. Selama enam bulan itulah, Abang Azman belajar erti kehidupan.

# LATIHAN ( 07)

**Arahan** Tuliskan sepatah perkataan yang sesuai di tempat kosong di bawah ini supaya menjadi sebuah cerita yang lengkap

Negeri itu indah dan penduduknya mesra pula. Hatinya cukup senang (1)\_\_\_\_\_ di negeri yang aman dan makmur itu. (2)\_\_\_\_\_ banyak mempelajari sikap penduduk negeri itu. Penduduknya (3)\_\_\_\_\_ bekerja dan membaca buku. Pekerja-pekerjanya selalu meningkatkan (4)\_\_\_\_\_. Apabila pekerja-pekerja ini rajin, tentulah ekonomi negara (5)\_\_\_\_\_ akan meningkat. Dan apabila ekonomi mantap, penduduk akan hidup selesa dan bahagia.

## LATIHAN ( 08)

**Arahan** Tuliskan sepatah perkataan yang sesuai di tempat kosong di bawah ini supaya menjadi sebuah cerita yang lengkap

Tiba-tiba, tubuhnya terasa dipeluk orang. Mula-mula dia terperanjat tetapi apabila melihat tangannya, dia rela dipeluknya. (1)\_\_\_\_\_ ibunya sungguh hangat dan mesra.

“Pergilah nak! (2)\_\_\_\_\_ mengizinkan engkau menuntut ilmu dan melanjutkan pelajaran (3)\_\_\_\_\_ negeri orang. Ini adalah cita-cita arwah ayahmu!” (4)\_\_\_\_\_ ibunya. Wajahnya riang.

Kini, giliran Tipah pula (5)\_\_\_\_\_ ibunya dengan erat. Betapa sayangnya Tipah akan ibunya itu. Betapa ibunya memahami hati dan cita-citanya.

## LATIHAN ( 09)

**Arahan** Tuliskan sepatah perkataan yang sesuai di tempat kosong di bawah ini supaya menjadi sebuah cerita yang lengkap

Lukman silap lagi. Sudah berkali-kali, dia berjanji tidak akan (1)\_\_\_\_\_ kesilapan tetapi perkara itu berlaku lagi tanpa (2)\_\_\_\_\_. Mungkin, dia terlalu gopoh sewaktu menjawab kertas (3)\_\_\_\_\_ ujian itu. Atau mungkinkah dia tidak dapat (4)\_\_\_\_\_ soalan yang dikemukakan dalam kertas tersebut. Dia (5)\_\_\_\_\_ dia akan lulus peperiksaannya. Apabila teringat akan perkara itu, dia menadah tangan lalu berdoa kepada Tuhan.

# LATIHAN ( 10)

**Arahan** Tuliskan sepatah perkataan yang sesuai di tempat kosong di bawah ini supaya menjadi sebuah cerita yang lengkap

Cacat bukan lagi menjadi penghalang kepada kemajuan seseorang. Pada masa ini, (1)\_\_\_\_\_ orang yang cacat telah dapat membuktikan kejayaan (2)\_\_\_\_\_ dalam pelbagai bidang. Ada sesetengah orang-orang cacat (3)\_\_\_\_\_ berjaya dalam hidup seperti menjadi peniaga, mempunyai (4)\_\_\_\_\_ tinggi, dan ada pula yang muncul sebagai (5)\_\_\_\_\_ yang rajin dan berbudi bahasa.

Sebagai manusia cacat, hindarilah rasa rendah diri atau rasa kekurangan. Seseorang akan meraih kejayaan jika kita rajin dan sentiasa menimba ilmu pengetahuan.

# LATIHAN ( 11)

**Arahan** Tuliskan sepatah perkataan yang sesuai di tempat kosong di bawah ini supaya menjadi sebuah cerita yang lengkap

Amir dan keluarganya baru saja tiba di Kampung Belimbing. Mereka (1)\_\_\_\_\_ dengan gembira oleh datuk nenek mereka. Amir (2)\_\_\_\_\_ bersamanya Muthu dan Leong, rakan sedarjahnya kerana (3)\_\_\_\_\_ sangat ingin merasa hidup di kampung Melayu. (4)\_\_\_\_\_ Amir telah menyatakan bahawa di kampung tidak (5)\_\_\_\_\_, tiada alat hawa dingin, banyak nyamuk dan bilik air yang tidak sempurna tetapi mereka tetap hendak mengikutinya. Kata mereka, mereka hendak belajar hidup seperti orang-orang kampung dan ibu bapa mereka pun tidak keberatan..

# LATIHAN ( 12)

**Arahan** Tuliskan sepatah perkataan yang sesuai di tempat kosong di bawah ini supaya menjadi sebuah cerita yang lengkap

Dia telah mengulangkaji semua pelajaran. Dia telah membuat persediaan yang rapi sebulan (1)\_\_\_\_\_ peperiksaan berlangsung. Tetapi, mengapakah dia tidak dapat (2)\_\_\_\_\_ mencapai markah yang terbaik seperti yang dicapai (3)\_\_\_\_\_ Jamal dan Yazid, kawan-kawan baiknya itu.

Lukman (4)\_\_\_\_\_ kertas jawapan itu sekali lagi. Kini, barulah dia (5)\_\_\_\_\_, dia leka ketika menjawab soalan. Dia membuat kesilapan kerana lalai. Dia berjanji akan menyemak dengan rapi setelah menjawab kertas soalan peperiksaan. Dengan demikian, dia dapat mengesan kesilapan itu terlebih dahulu.

# LATIHAN ( 13)

**Arahan** Tuliskan sepatah perkataan yang sesuai di tempat kosong di bawah ini supaya menjadi sebuah cerita yang lengkap

Adik demam lagi. Kali ini suhu (1)\_\_\_\_\_

adik amat tinggi. Walaupun ibu telah mengelapnya

(2)\_\_\_\_\_ tuala basah, hangat pada badan adik

belum (3)\_\_\_\_\_. Adik menangis dan merengek-

rengok. Bingit saya mendengar (4)\_\_\_\_\_ adik itu.

Saya tidak dapat menumpukan perhatian (5)\_\_\_\_\_

kepada pelajaran. Minggu hadapan, peperiksaan akan

menjelang. Saya tidak banyak masa lagi.

# LATIHAN ( 14)

**Arahan** Tuliskan sepatah perkataan yang sesuai di tempat kosong di bawah ini supaya menjadi sebuah cerita yang lengkap

Adik demam lagi. Kali ini suhu (1)\_\_\_\_\_

adik amat tinggi. Walaupun ibu telah mengelapnya

(2)\_\_\_\_\_ tuala basah, hangat pada badan adik

belum (3)\_\_\_\_\_. Adik menangis dan merengek-  
rengok. Bingit saya mendengar (4)\_\_\_\_\_ adik itu.

Saya tidak dapat menumpukan perhatian (5)\_\_\_\_\_

kepada pelajaran. Minggu hadapan, peperiksaan akan  
menjelang. Saya tidak banyak masa lagi.